

PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO RTM SARAWAK

1. SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

1.1. Penyertaan

Penyertaan pertandingan ini adalah terbuka kepada semua WARGANEGARA Malaysia dan semua kakitangan RTM sama ada pegawai tetap, kontrak atau sementara kecuali Ahli Jawatankuasa Pertandingan.

Objektif pertandingan ini adalah untuk mendapatkan logo yang melambangkan transformasi RTM Sarawak yang berpaksikan ciri-ciri inovasi dan kreativiti melalui usaha-usaha yang terancang.

1.2. Spesifikasi Reka Bentuk Logo

- 1.2.1. Reka Bentuk mestilah **baru** dan **asli**;
- 1.2.2. Menggunakan 3 jenis warna pada Bendera Sarawak iaitu kuning, hitam dan merah;
- 1.2.3. Bercirikan unsur tempatan Negeri Sarawak;
- 1.2.4. Saiz rekaan tidak melebihi saiz kertas A4;
- 1.2.5. Menggambarkan identiti dan imej korporat RTM Sarawak serta memberi gambaran grafik yang amat berkesan kepada organisasi;
- 1.2.6. Reka bentuk boleh dilukis dengan tangan (*free hand*) atau grafik komputer;
- 1.2.7. Reka bentuk hendaklah menarik, jelas, mudah dan kemas;
- 1.2.8. Setiap warna dan bentuk yang digunakan dalam rekaan logo hendaklah disertakan dengan definisi bagi setiap simbol atau warna yang digunakan.

1.3. Dokumen Permohonan Penyertaan

Setiap peserta yang ingin menyertai pertandingan ini dikehendaki menyediakan dua (2) salinan dokumen-dokumen seperti berikut:

- a. Borang Penyertaan
Borang adalah seperti yang terdapat di lampiran. Hendaklah diisi oleh setiap peserta yang ingin menyertai pertandingan ini.
- b. *Layout/Design Logo*
 - i. *Layout/Design* hendaklah direka di atas kertas bersaiz A4 dan diajukan kepada pihak Urus Setia pertandingan bersama-sama dengan borang penyertaan.
 - ii. Penyertaan adalah percuma. Para peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
 - iii. Maklumat berikut hendaklah dicatatkan dengan jelas di belakang hasil karya masing-masing iaitu:
 - √ Nama Penuh;
 - √ Nombor Kad Pengenalan;
 - √ Alamat Penuh
 - √ Nombor Telefon
- c. Penyertaan hendaklah dihantar dalam bentuk *hard copy* dan *soft copy* sama ada melalui :
 - i. Pos atau
 - ii. Emel (dalam format jpeg)

1.4. Tempoh Penyertaan

Penyertaan dibuka dari **Selasa, 1 November 2011 hingga Isnin, 21 November 2011**. Sebarang penyertaan selepas **21 November 2011** tidak akan dilayan oleh pihak Urus Setia.

2. METODOLOGI PENILAIAN

- 2.1. Penilaian akan dilakukan terhadap semua penyertaan yang diterima dari peserta yang menyertai pertandingan ini.
- 2.2. Penilaian akan dijalankan melalui penelitian terhadap *layout/design* logo yang dihantar kepada Urus Setia pertandingan. Kriteria-kriteria yang diambil kira adalah seperti yang terdapat di lampiran.

3. HADIAH PERTANDINGAN

- 3.1. Hanya tiga reka bentuk logo sahaja akan dipilih untuk memenangi pertandingan ini. Pemenang hanya layak menerima satu hadiah sahaja.
- 3.2. Tiga yang terpilih ke peringkat akhir pertandingan akan menerima sijil penghargaan beserta hadiah wang tunai (***tertakluk pada pindaan***):
 - 3.2.1. Pemenang akan menerima hadiah wang tunai RM2,000.00 sahaja dan sijil penghargaan.
 - 3.2.2. Dua (2) hadiah saguhati akan menerima wang tunai RM500.00 sahaja dan sijil penghargaan.

4. PANEL PENILAI

Semua penyertaan adalah tertakluk kepada keputusan **MUKTAMAD** oleh Panel Penilai dan Panel Penilai **berhak untuk membatalkan** penyertaan pada mana-mana peringkat pertandingan sekiranya didapati peserta tidak mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan. Panel Penilai berhak mengubahsuai dan meminda reka bentuk logo yang disertai sekiranya perlu dan logo yang terpilih akan diguna pakai dan menjadi hak milik RTM Sarawak.

BORANG PENYERTAAN

PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO RTM SARAWAK

1. BUTIRAN PESERTA

- i. Nama Peserta : _____
- ii. No. Kad Pengenalan : _____
- iii. Alamat Penuh : _____

- iv. No. Telefon : _____
(pejabat / tel. bimibit)

2. PENGAKUAN PESERTA

Adalah saya dengan ini memperakui bahawa penyertaan saya ini adalah asli dan tidak pernah dihantar ke mana-mana pertandingan seumpamanya sebelum ini. Saya juga faham bahawa penyertaan saya akan dibatalkan secara serta-merta jika saya melanggar peraturan ini.

Saya juga bersetuju bahawa jika terpilih, rekaan saya ini akan menjadi hak milik RTM Sarawak dan saya tiada hak ke atasnya selepas ini.

Tandatangan : _____

Nama : _____

Tarikh : _____

3. ALAMAT UNTUK MENGEMUKAKAN PENYERTAAN

Penyertaan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada:

Urus Setia
Pertandingan Mencipta Logo RTM Sarawak
Bangunan RTM
Jalan P. Ramlee
93614 Kuching
Sarawak

No. Tel.: 082-248 422 smb. 324 / 082 . 236 445 (talian terus)

Emel: ciptalogortm@yahoo.com

Untuk kegunaan Urus Setia Pertandingan

Tarikh Terima Penyertaan : _____

No. Daftar : _____